

**47 masuk lokap**

## 47 masuk lokap

**Georgetown:** Kemeriahan sambutan tahun baru 2015 bagi 47 individu termasuk lima wanita berakhir dalam lokap apabila mereka ditahan selepas didapati berada di bawah pengaruh dadah hasil serbuan di beberapa lokasi berasingan, semalam.

Hasil maklumat diterima sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut (IPDTL) menyerbu lokasi berkenaan di tepi pantai Jalan Tanjung Bungah dan Jalan Batu Ferringhi di sini, bermula jam 2 hingga 7 pagi semalam.

Ketika sampai di lokasi pegawai dan anggota terbabit mendapati beberapa kumpulan sedang berkumpul di tepi pantai sebelum bertindak menahan kesemua individu berkenaan untuk pemeriksaan.

Ketua Polis Daerah Timur Laut Asisten Komisioner Mior Faridalathrash Wahid berkata, pihaknya mengarahkan 84 individu terbabit termasuk 15 wanita menjalani ujian sa-

ringan air kencing berikutan disyaki berkelakuan mencurigakan dan berada di bawah pengaruh dadah.

“Selepas ujian air kencing dilakukan kami mendapati 47 individu berusia lingkungan 20-an sah berada di bawah pengaruh dadah, iaitu 44 orang positif methamphetamine manakala tiga lagi positif Ketamin.

“Kesemua individu yang positif dadah itu kemudian dibawa ke IPDTL untuk tindakan selanjutnya serta membantu siasatan mengikut Seksyen 12 (3) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 15(1) akta yang sama,” katanya.

Mior berkata, pihaknya juga akan melakukan siasatan lanjut bagi mengesan bagaimana individu terbabit mendapat bekalan dadah berkenaan untuk tindakan susulan.

Manakala pemeriksaan dan pemantauan akan dilakukan dari masa ke semasa bagi memastikan kawasan tepi pantai berkenaan tidak dijadikan sebagai ‘port’ untuk melepaskan galian dadah.